



KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI MALAYSIA

BAHAGIAN PERANCANGAN DAN PENYELIDIKAN
ARAS 13, NO. 2, MENARA 2, JALAN PS/6, PRESINT 5
62200 WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA

TEL : 03-8870 5080 FAX : 03-8870 6809 WEB : <http://www.mohe.gov.my>



SEGERA

Rujukan : KPT.R.620 – 1/1/3 Jld. 27 (45)

Tarikh : 23 September 2011

SEPERTI SENARAI EDARAN

YBhg. Prof./Dr./Tuan/Puan,



EDARAN BORANG SOAL SELIDIK KAJIAN KEPUASAN PELANGGAN KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI (KPT)

Dengan hormatnya perkara di atas dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Bahagian Perancangan dan Penyelidikan (BP&P) sedang melaksanakan kajian Kepuasan Pelanggan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT). Selaras dengan Teras ke-7 Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN): Mengukuhkan Sistem Penyampaian Kementerian Pengajian Tinggi, tujuan utama kajian ini dilaksanakan adalah untuk mengukur tahap kepuasan pelanggan terhadap perkhidmatan KPT di samping mengenalpasti penambahbaikan yang dapat dilaksanakan bagi memastikan sistem penyampaian KPT terus kekal relevan, berkualiti dan cemerlang serta memenuhi ekspektasi pelanggan.

3. Untuk makluman YBhg. Datuk/Prof./Dr./Tuan/Puan, Kajian Kepuasan Pelanggan KPT dilaksanakan melalui dua kaedah iaitu melalui atas talian (*online*) dan juga melalui borang soal selidik yang diedarkan ke Bahagian/Jabatan/Agensi KPT dan IPT.

4. Sehubungan itu, kerjasama YBhg. Datuk/Prof./Dr./Tuan/Puan adalah dipohon untuk mengedarkan Borang Soal Selidik kepada staf akademik dan pentadbiran institusi YBhg. Datuk/Prof./Dr./Tuan/Puan. Kerjasama YBhg. Datuk/Prof./Dr./Tuan/Puan juga dipohon untuk mengumpul dan menyerahkan borang yang telah dilengkapkan kepada Bahagian ini sebelum atau pada **18 Oktober 2011 (Selasa)**. Di samping

Sdr. Anton
1067 Masinaba
severa k

Diterima dan penuh
11/10/11

itu, staf akademik dan pentadbiran institusi YBhg. Datuk/Prof./Dr./Tuan/Puan juga digalakkan untuk mengisi kaji selidik ini secara *online* melalui pautan <http://app.mohe.gov.my/surveypelanggan/index.php?sid=59223>. Sekiranya terdapat pertanyaan mengenai perkara ini, YBhg. Datuk/Prof./Dr./Tuan/Puan boleh menghubungi Cik Siti Nur Balqish binti Aminuddin di talian 03-8870 5099 atau e-mel: balqish@mohe.gov.my / research@mohe.gov.my.


5. Kerjasama yang diberikan oleh YBhg. Datuk/Prof./Dr./Tuan/Puan dalam perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“MENERAJU KEGEMILANGAN ILMU”

Saya yang menurut perintah,



(DR. KAMARUDIN BIN MIN)

Timbalan Setiausaha Bahagian
Bahagian Perancangan dan Penyelidikan
b.p Ketua Setiausaha
Kementerian Pengajian Tinggi